

'Luluskan RUU pastikan Parlimen institusi bebas berdaulat'

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2025 harus diluluskan supaya RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 membolehkan Parlimen berfungsi sebagai sebuah institusi yang bebas dan berdaulat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata dengan termeterainya pindaan Perlembagaan Persekutuan itu, ia bukan sahaja mengukuhkan kebebasan institusi Parlimen, malah kejayaan besar reformasi institusi negara.

"Kita serius menunaikan amanah dan janji. Ini juga satu hal. Kalau Parlimen, sekarang ia di bawah Perdana Menteri iaitu Jabatan Perdana Menteri.

"Namun Perdana Menteri memilih untuk menyerahkan (kuasa) ini sebagai badan bebas. Sebab itu bila sebut reformasi institusi memang enak tetapi sukar nak dapat Perdana Menteri yang hendak serahkan kuasa ... tetapi kita terpaksa lakukan kerana ini akan memperkukuhkan semangat," katanya ketika membentangkan RUU Perlembagaan (Pindaan) 2025 untuk bacaan kali kedua di Dewan Negara semalam.

Anwar berkata, RUU Perlembagaan (Pindaan) 2025 membolehkan pengubalan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 yang dibincangkan bertahun-tahun sebelum ini dan diluluskan di Dewan Rakyat.

Perdana Menteri berkata, pindaan itu kerangka untuk memperkukuh prinsip pengasingan kuasa dan menegaskan pemisahan kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman penting, malah tertera ketika Malaysia dipimpin Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 1957.

Anwar berkata, Parlimen mesti mempunyai ruang kebebasan dalam memaknai erti reformasi.

"Kita lakukan ini setelah berbincang dengan petugas supaya ruang kenaikan pangkat mereka terjamin, maka sebab itu ada beberapa kelonggaran untuk mereka pilih perkhidmatan," katanya.

Sementara itu Anwar memberi jaminan RUU itu dapat memenuhi matlamatnya, dan Dewan Negara dapat menjadi sebahagian daripada sejarah yang membantu membentuk negara yang lebih telus, berintegriti dan berwibawa.

BERNAMA